

## **BANK ISLAM PERKUKUH KEKUATAN LEMBAGA PENGARAH DENGAN PELANTIKAN PENGARAH BAHARU**

*Dr Nurmazilah Dato' Mahzan dilantik sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif*

**KUALA LUMPUR, Rabu, [13 Mei 2026]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Kumpulan) mengumumkan pelantikan Dr Nurmazilah Dato' Mahzan sebagai Pengarah Bebas Bukan Eksekutif, berkuat kuasa 7 Mei 2026.

Dr Nurmazilah kini berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah BIMB Securities Sdn Bhd, sebuah anak syarikat Bank Islam, sejak Ogos 2025 dan turut menganggotai Lembaga Pengarah Perbadanan Wakaf Selangor serta Malaysia Professional Accountancy.

Beliau pernah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah TH Plantations Berhad dan anak-anak syarikatnya, serta memegang beberapa jawatan kanan termasuk Anggota Pihak Berkuasa di Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia, Ahli Lembaga Pengarah CIMB Bank Berhad, dan Ketua Pegawai Eksekutif Institut Akauntan Malaysia (MIA). Kerjaya beliau bermula dalam bidang audit dan perundingan bersama Arthur Andersen & Co. di Kuala Lumpur, diikuti dengan perakaunan korporat di KUB Malaysia Berhad. Beliau kemudiannya berkhidmat selama lebih sedekad di Universiti Malaya dengan pengkhususan dalam audit, pelaporan kewangan dan tadbir urus korporat, serta turut menyandang jawatan sebagai Pengarah Sekolah Perniagaan Siswazah Universiti Malaya.

Beliau kemudiannya berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif dan Ketua Pegawai Eksekutif di Institut Akauntan Malaysia (MIA), di mana beliau mengawasi pengurusan operasi serta fungsi kawal selia dan profesional, selain memainkan peranan aktif dalam industri. Beliau membawa kepakaran yang luas dalam bidang pelaporan kewangan, audit, pengurusan risiko, kelestarian dan tadbir urus korporat.

Sejak 2015, beliau telah memperjuangkan pelaksanaan Pelaporan Bersepadu (IR) di pelbagai organisasi dan menjalankan program latihan serta libat urus mengenai IR dalam negara dan antarabangsa dalam bidang kelestarian, tadbir urus, risiko dan kawalan, serta pelaporan kewangan.

Kelayakan profesional beliau termasuk Juruaudit Dalaman Bertauliah, Akauntan Awam Bertauliah, Akauntan Pengurusan Global Berkanun, Penganalisis Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus (ESG) Bertauliah, serta Pengurusan Risiko dan Jaminan Bertauliah. Beliau adalah ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA), Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA), Chartered Institute of Management Accountants (CIMA), Institute of

Internal Auditors (IIA) Malaysia dan Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM). Beliau memiliki Ijazah Kedoktoran Perakaunan daripada University of Birmingham, United Kingdom, dan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).

Pengerusi, Tan Sri Dr Ismail Haji Bakar, berkata, “Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya berbesar hati menyampaikan ucapan tahniah dan mengalu-alukan kehadiran Dr Nurmazilah. Dengan kepakaran yang luas serta pengalaman beliau yang mendalam, kami menantikan sumbangan bermakna daripada beliau dalam memacu pertumbuhan Bank Islam dan memperkukuh tadbir urusnya ke tahap yang lebih tinggi.”

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai sebuah institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited dalam memastikan kemakmuran lestari dan mengikut nilai-nilai ESG. Ia merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak syarikat Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities, menawarkan perkhidmatan pelaburan dan pembrokeran saham.

Untuk maklumat lanjut, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com) atau emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my).